

CNS9256

R GB 13-03 00159 BA287

bah

RUMAH TEMPAT LAHIR DR MAHATHIR AKAN DIPULIHKAN UNTUK PELANCONGAN  
Rumah

ALOR SETAR, 13 Mac (Bernama) -- Kerajaan negeri telah bersetuju dengan cadangan Kementerian Kebudayaan, Xesenian dan Pelancongan hendak memulih serta memelihara rumah tempat lahir Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad di Seberang Perak di sini.

Pengerusi Lembaga Muzium Negeri, Datuk Azizan Taib, yang juga anggota Exco Kerajaan Negeri hari ini berkata, mengikut cadangan itu, rumah berkenaan akan dijadikan tempat bersejarah dan tarikan pelancong.

Projek itu akan dilaksanakan menerusi Arkib Negara dan kerajaan negeri telah meluluskan pengambilan tanah di sekitar kawasan berkenaan, katanya dalam satu kenyataan.

Azizan berkata, Lembaga Muzium Negeri pada mesyuaratnya Semalam bersetuju untuk mendirikan Memorial Almarhum Tunku Abdul Rahman Putra Al-haj di negeri ini sebagai mengenang jasa Perdana Menteri Malaysia pertama itu.

Katanya, kawasan tapak bagi tujuan itu sedang dikenal pasti dan cadangan itu akan dikemukakan kepada kerajaan negeri untuk kelulusan. -- Lagi.

▼13/03/17-36MST

CNS9257

R GB 13-03 00.120 BA288

bah

Rumah 2 (akhir) Alor Setar

Mesyuarat yang sama juga meluluskan cadangan mengenakan bayaran masuk ke Muzium Negeri, Muzium Diraja dan Balai Seni di sini.

Bagaimanapun, tarikh berkuatkuasa dan jumlah bayaran Yang akan dikenakan akan diputuskan kelak.

Azizan berkata, keputusan untuk mengenakan bayaran itu dibuat memandangkan kos yang ditanggung oleh kerajaan untuk menyenggara muzium berkenaan serta membiayai tempat bersejarah di negeri ini terlalu tinggi.

Langkah itu juga sejajar dengan langkah Muzium Negara mengenakan bayaran masuk mulai 1 Feb lepas, katanya.

Menurutnya, sepanjang tahun lepas, sebanyak 155,650 pelawat telah mengunjungi Muzium Negeri di Bakar Data di sini manakala 159,934 mengunjungi Muzium Diraja dan 112,171 mengunjungi Balai Seni. -- Bernama.

▼13/03/17-36MST